

No. Rujukan: UTEM.100-1/3/3 (88)



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 5 TAHUN 2026**

**PENAMBAHBAIKAN DAN PINDAAN
BORANG PEMBUDAYAAN STRATEGIK,
PENARAFAN, SDG DAN RISIKO (BESTARI) DI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar
7 April 2026 | 18 Syawal 1447H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kelestarian Global)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM.100-1/3/3 (88)

7 APRIL 2026
18 SYAWAL 1447H

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL.5/2026

PENAMBAHBAIKAN DAN PINDAAN BORANG PEMBUDAYAAN STRATEGIK, PENARAFAN, SDG DAN RISIKO (BESTARI) DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Surat Edaran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan Penambahbaikan Dan Pindaan Borang Pembudayaan Strategik, penarafan, SDG Dan Risiko (BESTARI) Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1. Borang Penilaian Awal Risiko (BPAR) telah diperkenalkan pada April 2019 melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 15 Tahun 2019. Ia bertujuan untuk membantu pengurusan tertinggi Universiti dalam membuat keputusan dengan mengambil kira elemen risiko terhadap sesuatu cadangan / program yang dibentangkan.
- 2.2 BPAR kemudiannya ditambahbaik kepada Versi 2021 melalui Surat Edaran Pentadbiran Bil. 8 Tahun 2021 yang mana versi tersebut telah merangkumkan elemen peluang dan objektif serta tindakan kawalan yang dirancang untuk meminimakan impak risiko. Pindaan ini telah membantu pemohon untuk melaksanakan penilaian risiko dengan lebih objektif.
- 2.3 Inisiatif terkini di peringkat Universiti adalah untuk menyebarkan kefahaman terhadap Pelan Strategik UTeM 2026-2030 'Memperkasa Universiti, Menjulung Kecemerlangan' melalui 5 Teras Strategik' (5ST). Setiap warga Universiti seharusnya mampu menyampaikan naratif fungsi PTJ masing-masing dalam menjayakan 5ST dan agenda penarafan Universiti.

- 2.4 Bagi melaksanakan pembudayaan ini, BPAR telah dilaksanakan dengan penambahbaikan dan dijenamakan semula sebagai Borang Pembudayaan Strategik, Penarafan, SDG dan Risiko atau singkatannya BESTARI.
- 2.5 Berikutan kepentingan SDG kepada Malaysia dan pendidikan tinggi adalah amat besar, kerana ia memberi fokus kepada pembangunan manusia yang seimbang antara ekonomi, sosial, dan alam sekitar, Borang BESTARI telah dilaksanakan sebagai inisiatif yang menzahirkan komitmen UTeM ke arah mencapai 17 Matlamat di bawah SDG tersebut.
- 2.6 Pengurusan tertinggi Universiti dalam menyokong dasar pendidikan negara berhasrat untuk menyahut seruan Kementerian Pendidikan Tinggi agar sektor pendidikan tinggi negara melahirkan bakat yang berkualiti, menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berimpak, menjadi penggerak kepada pembangunan negara dan kesejahteraan kehidupan rakyat, bertaraf antarabangsa dan didokong oleh pembolehdaya yang mantap.
- 2.7 Melalui Mesyuarat Majlis Eksekutif Bilangan 4 Tahun 2026 yang diadakan pada 9 Mac 2026 telah bersetuju dengan pindaan Borang Pembudayaan Strategik, Penarafan, SDG dan Risiko (BESTARI).
- 2.8 Pindaan ini melibatkan penyelarasan Borang BESTARI dengan hala tuju Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka 2026–2030 serta memperkemas mekanisme penjajaran strategik bagi setiap cadangan program, projek atau inisiatif yang dikemukakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 2.9 Selain itu, pindaan ini turut melibatkan pengguguran komponen penjajaran kepada Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi (LHTPT) yang sebelum ini dimasukkan dalam Borang BESTARI. Pengguguran ini dicadangkan memandangkan aspirasi dasar pendidikan tinggi negara telah diambil kira dalam pembangunan Pelan Strategik Universiti 2026–2030. Borang Pembudayaan Strategik, Penarafan, *Sustainable Development Goals* (SDG), dan Risiko atau singkatannya borang BESTARI.

3.0 OBJEKTIF PINDAAN BORANG PEMBUDAYAAN STRATEGIK, PENARAFAN, SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG), & RISIKO (BESTARI)

Objektif pindaan Borang BESTARI adalah seperti berikut :-

- 3.1 Meningkatkan kefahaman dan penghayatan warga UTeM terhadap peranan Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing dalam menyokong Pelan Strategik Universiti 2026 – 2030, agenda penarafan Universiti dan SDG.
- 3.2 Menyahut seruan Kementerian Pendidikan Tinggi agar sektor pendidikan tinggi negara melahirkan bakat yang berkualiti, menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berimpak, menjadi penggerak kepada pembangunan negara dan kesejahteraan kehidupan rakyat, bertaraf antarabangsa dan didokong oleh pembolehdaya yang mantap.
- 3.3 Memastikan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) kekal relevan dan berdaya saing di peringkat nasional dan global. Penjajaran ini tidak hanya memantapkan kedudukan universiti tetapi juga memperkukuh sumbangan UTeM dalam pembangunan masyarakat, ekonomi, dan alam sekitar.
- 3.4 Membudayakan pemikiran berasaskan risiko kepada semua warga Universiti.
- 3.5 Mewujudkan budaya pembelajaran dan pengajaran yang mampan, inovatif, dan inklusif di UTeM.

4.0 PENGGUNAAN BORANG BESTARI

- 4.1 Borang BESTARI versi terkini boleh dicapai melalui pautan berikut:-
https://ppskr.utem.edu.my/ms/penerbitan_2/pekeliling.html
- 4.2 Dalam Borang BESTARI ini, penekanan bukan sahaja kepada risiko tetapi PTJ juga perlu menjajarkan objektif kertas kerja / cadangan / inisiatif atau program yang dicadangkan kepada inisiatif strategik di bawah 5ST, impaknya kepada

penarafan khususnya penarafan QS WUR dan mencapai 17 Matlamat *Sustainable Development Goals* (SDG).

4.3 Pindaan penggunaan Borang BESTARI melibatkan perkara-perkara yang ditambah baik, tambahan baharu atau digugurkan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

4.4 Selain pengisian Borang BESTARI, PTJ perlu memasukkan satu tajuk dan penerangan dalam setiap kertas kerja yang dibentangkan iaitu berkaitan “PENJAJARAN KEPADA PELAN STRATEGIK, PENARAFAN DAN SDG”. **Contoh ulasan Penjajaran dalam Kertas Kerja boleh dirujuk pada LAMPIRAN 2**.

5.0 PERTANYAAN LANJUT

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR).

6.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasa Surat Edaran Pentadbiran ini, Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2025 adalah dibatalkan.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Edaran Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **7 April 2026**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

“KEBERSAMAAN MENDEPANI PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Jadual 1: Jadual Pindaan Penggunaan Borang BESTARI

BIL.	PERKARA	SEDIA ADA	PINDAAN
1.	Komponen penjajaran	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelan Strategik UTeM 2023-2025 ii. Agenda penarafan universiti iii. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iv. Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelan Strategik UTeM 2026-2030 ii. Agenda penarafan universiti (Kriteria yang telah ditambahbaik) iii. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) <p>Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi digugurkan daripada borang BESTARI kerana telah diintegrasikan dalam Pelan Strategik Universiti 2026–2030</p>
2.	Naratif dalam Kertas Kerja	Perenggan khas: “Penjajaran kepada Pelan Strategik, Penarafan, SDG dan LHTPT”	Tajuk perenggan dipinda kepada “Penjajaran kepada Pelan Strategik Universiti, Penarafan dan SDG”
3.	Jenis kertas cadangan yang memerlukan penilaian risiko	<ul style="list-style-type: none"> i. Cadangan dasar atau garis panduan baharu ii. Program/ aktiviti yang tiada dalam perancangan awal PTJ iii. Cadangan mengadakan atau melanjutkan hubungan kerjasama dengan pihak luar iv. Penubuhan syarikat spin-off 	<ul style="list-style-type: none"> i. Cadangan dasar atau garis panduan baharu ii. Program/ aktiviti yang tiada dalam perancangan awal PTJ iii. Cadangan mengadakan atau melanjutkan hubungan kerjasama dengan pihak luar iv. Penubuhan syarikat spin-off v. Penganjuran persidangan

BIL.	PERKARA	SEDIA ADA	PINDAAN
		<ul style="list-style-type: none"> v. Penganjuran persidangan vi. Lain-lain kertas cadangan yang pada pandangan PPSKR memerlukan analisa risiko 	<ul style="list-style-type: none"> vi. Cadangan menerima pakai pelaksanaan dasar, garis panduan, arahan dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dengan pindaan bagi tujuan pemakaian di UTeM vii. Lain-lain kertas cadangan yang pada pandangan PPSKR memerlukan analisa risiko
4.	<p>Jenis kertas cadangan yang bersifat operasi atau rutin pentadbiran tidak memerlukan penilaian risiko</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelantikan pemeriksa luar ii. Penawaran kursus akademik pada setiap semester iii. Kertas kerja yang bersifat pelaporan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelantikan Pemeriksa Luar, Penilai Luar, Panel Penasihat Industri dan Lembaga Pengajian Program (<i>Board of Studies</i>) ii. Penawaran kursus akademik pada setiap semester iii. Kertas kerja laporan prestasi, laporan kemajuan atau laporan tahunan iv. Kertas kerja Mobiliti pelajar/staf yang dalam tempoh aktif MoU/MoA v. Kertas kerja untuk pemakluman mesyuarat

BIL.	PERKARA	SEDIA ADA	PINDAAN
		iv. Lain-lain kertas cadangan yang pada pandangan PPSKR tidak memerlukan analisa risiko	vi. Pemakaian atau pelaksanaan dasar, garis panduan, arahan dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. vii. Lain-lain kertas cadangan yang pada pandangan PPSKR tidak memerlukan analisa risiko
5.	Mesyuarat yang terlibat dengan pelaksanaan ini	i. Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi (JKT) ii. Mesyuarat Majlis Eksekutif (ME) iii. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) iv. Mesyuarat Senat v. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) vi. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat	Dikekalkan

PENJAJARAN DALAM KERTAS KERJA



Ulasan Penjajaran dalam Kertas Kerja

Setiap pemohon kertas kerja diingatkan bahawa **Ulasan Penjajaran** juga perlu dinyatakan di dalam kertas kerja seperti mana yang dipilih dalam borang BESTARI

KERTAS BIL. __/2026

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MESYUARAT xxxxxxxx
BIL. xx/2026

KERTAS CADANGAN

- 1.0 TUJUAN
- 2.0 LATAR BELAKANG
- 3.0 OBJEKTIF
- 4.0 CADANGAN PELAKSANAAN
- 5.0 ULASAN PEJABAT PENDAFTAR
- 6.0 ULASAN PEJABAT BENDAHARI
- 7.0 ULASAN PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
- 8.0 **ULASAN PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK, KUALITI & RISIKO**
- 9.0 **PENJAJARAN KEPADA PELAN STRATEGIK UNIVERSITI, PENARAFAN DAN SDG**
(Naratif Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi telah digugurkan)
 - 9.1 Contoh : Naratif Pelan Strategik UTeM : Kertas kerja ini akan menyokong pencapaian Pelan Strategik 5ST iaitu pada Teras Strategik 1 'Menjuarai TVET, Mengungguli Kerjaya' melalui
 - 9.2 Contoh : Naratif Penarafan : Kertas kerja ini akan menyokong penarafan QS WUR untuk kriteria C4 dengan justifikasi..
 - 9.3 Contoh : Naratif SDG : Cadangan ini turut menyokong SDG 4 'Quality Education / Pendidikan Berkualiti' melalui
- 10.0 KEPUTUSAN

Pelaksanaan borang BESTARI telah dikuatkuasakan melalui Surat Edaran Pentadbiran Bilangan xx Tahun 2026 yang dikeluarkan pada xx xx 2026.

Mesyuarat yang terlibat dengan pelaksanaan ini adalah seperti berikut : -

- Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi (JKT)
- Mesyuarat Majlis Eksekutif (ME)
- Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
- Mesyuarat Senat
- Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK)
- Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat